

# Dr Ramle Moslim diiktiraf saintis cemerlang MPOB 2015

» Ketua Kumpulan Penyelidik Insect Biopesticide pakar bidang serangan serangga

Oleh Mohd Zulhelmy Ismail  
zulhelmy@mpob.gov.my

Putrajaya

Dr Ramle Moslim diiktiraf Saintis Cemerlang MPOB bagi tahun 2015 sempena Majlis Anugerah MPOB 2105 di sini, baru-baru ini.

Beliau menerima anugerah berkenaan daripada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May.

Anugerah Saintis Cemerlang adalah pengiktirafan kepada Pegawai Penyelidik MPOB yang telah mencapai kecemerlangan sains ke tahap kepakaran (authority) yang diiktiraf dalam bidangnya berdasarkan prinsip kecemerlangan sains dan impak kepada industri. Selain itu, anugerah ini juga dilihat mampu



Dr. Ramle Moslim menerima **Anugerah Saintis Cemerlang**.

memberi impak dan perubahan besar kepada industri sawit, khususnya dalam bidang penyelidikan.

#### Berkhidmat selama 23 tahun

Dr Ramle Moslim, 49, yang telah berkhidmat selama 23 tahun di MPOB adalah Pegawai Penyelidik

Prinsipal dari Bahagian Penyelidikan Biologi.

Beliau adalah pemegang Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Insect Pathology dan Sarjana Sains Mikrobiologi, kedua-duanya dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Per-

tanian daripada Universiti Putra Malaysia (UPM).

Memulakan kerjaya sejak tahun 1990 di MPOB, Dr Ramle Moslim adalah Ketua Kumpulan Penyelidik Insect Biopesticide yang berpengalaman luas dalam bidang serangan serangga dan sememangnya diperakui di pering-

kat kerajaan, kementerian dan industri.

Dr Ramle yang mempunyai minat penyelidikan dalam integrasi bahan kimia dan agen biologi untuk kawalan yang berkesan serangga perosak dan kesannya ke atas organisma bukan sasaran.

Beliau menjalankan pelbagai penyelidikan bagi pembangunan produk kawalan secara biologi berdasarkan kulat entomopathogenic (*Beauveria bassiana*, *Metarhizium anisopliae* dan *paecilomyces farinosus*) serta virus (*Oryctes nudivirus*) untuk mengawal serangga perosak sawit seperti kumbang badak (*Oructes rhinoceros*), ulat bungkus (*Metisa plana*, *Pteroma pendula*), anai-anai (*Coptotermes curvignathus*) dan juga rama-rama (*Tirathaba rufivena*).

#### Teknologi kawal kumbang

Selain itu, beliau juga berjaya mengkomersialkan teknologi untuk pengeluaran dan formulasi kulat *M. anisopliae* bagi mengawal kumbang badak. Teknologi yang telah didaftarkan sebagai Ory-X ini telah diguna-pakai oleh FELDA Global Venture (FGV) di Pusat Perkhidmatan Pertanian Tun Razak, Sungai Tekam, Jerantut, Pahang.

Penerima Anugerah Kecemerlangan Sains Piala Pusingan Ketua Pengarah MPOB bagi tahun 2002, 2010 dan 2014 ini juga telah memfailkan sebanyak tiga paten yang mana dua daripadanya telah digerakan dan berjaya menghasilkan lebih 20 penerbitan di dalam jurnal dan 30 kertas prosiding, seminar dan tiga buah bab buku.